

1. Pilih pasangan yang betul. **SP 4.1.3 TP2**

	Tamadun	Lokasi
A	Indus	Sungai Nil
B	Huang He	Sungai Ganges
C	Mesir Purba	Sungai Kuning
D	Mesopotamia	Sungai Tigris dan Sungai Euphrates

2. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Negara-Kota Ur? **SP 4.1.4 TP2**

- I Terdapat pelabuhan
 II Dipenuhi rumah dan kedai
 III Pembinaan kolam mandi besar
 IV Sistem pembentungan sistematik
- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

3. Apakah peranan kawasan Bulan Sabit Subur dalam tamadun Mesopotamia? **SP 4.1.4 TP2**

- A Perkilangan C Perlombongan
 B Perbandaran D Perkampungan

4. Gambar berikut menunjukkan binaan dalam Tamadun Mesopotamia. **SP 4.1.4 TP2**



Apakah fungsi binaan tersebut?

- A Pelabuhan
 B Tempat ibadat
 C Kubu pertahanan
 D Kawasan perkuburan

5. Gambar berikut menunjukkan tinggalan bandar Mohenjo-Daro. **SP 4.1.5 TP2**



Apakah keistimewaan bandar tersebut?

- A Terletak di tanah tinggi
 B Didiami oleh pelbagai kaum
 C Merupakan bandar terancang
 D Majoriti penduduk ialah pedagang

6. Apakah sumbangan utama Tamadun Huang He? **SP 4.1.5 TP2**

- A Mencipta sutera
 B Menghasilkan roda
 C Membina tempat ibadat
 D Memperkenalkan sistem nombor

7. Maklumat berikut menunjukkan aspek pemerintahan dalam tamadun awal dunia. **SP 4.1.5 TP3**

- Negara-kota bersatu membentuk empayar yang pertama.
- Lahirnya Kod Undang-undang Hammurabi.

Apakah tamadun awal tersebut?

- A Indus
 B Huang He
 C Mesir Purba
 D Mesopotamia

8. Gambar berikut menunjukkan binaan dalam Tamadun Mesir Purba.

SP4.1.5 TP2



Apakah fungsi binaan tersebut?

- A Rumah ibadat
- B Perkuburan firaun
- C Istana golongan bangsawan
- D Pusat pertemuan rakyat jelata

9. Apakah bukti perkembangan pesat kegiatan pertanian dalam Tamadun Huang He? **SP4.1.5 TP2**

- A Pengenalan tanaman baharu
- B Perluasan kawasan pertanian
- C Penghasilan alat pertanian besi
- D Pembinaan institusi penyelidikan

10. Apakah hasil kesenian masyarakat Tamadun Indus? **SP4.1.5 TP2**

- I Patung daripada batu
 - II Balang bercorak geometri
 - III Penciptaan puisi romantik
 - IV Lukisan di dinding bangunan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV